

KWSP perlu sedia pinjaman kepada konglomerat

UM 26 JUN 2003

KUALA LUMPUR 25 Jun — Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mencadangkan supaya Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menyediakan pinjaman kepada syarikat-syarikat konglomerat tempatan bagi memperoleh keuntungan yang lebih terjamin.

Presiden MTUC, Senator Zainal Rampak berkata, beliau yakin dengan menyasarkan korporat seperti itu, KWSP tidak akan menanggung sebarang kerugian kerana syarikat-syarikat itu ternyata mampu menjelaskan pinjaman mereka berdasarkan keuntungan yang sering dicatatkan setiap tahun.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, pinjaman tersebut mestilah dijamin oleh kerajaan.

“Sebagai contoh, KWSP boleh membiayai projek-projek milik Penerbangan Malaysia (MAS), Telekom Malaysia Bhd. dan Tenaga Nasional Bhd. dengan kadar faedah yang munasabah iaitu enam peratus.

Meyakinkan

“Saya fikir, cara ini lebih meyakinkan berbanding memberi pinjaman kepada syarikat hartanah atau lain-lain, selain memberi keuntungan yang kekal dan terjamin,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau yang juga Ahli Lembaga KWSP mengulas cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat semalam supaya KWSP membiayai projek-projek infrastruktur seperti pembinaan bangunan melalui kaedah pinjaman.

Contohnya, kata Dr. Mahathir, KWSP boleh memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat tertentu untuk projek pembinaan dan apabila projek itu siap, ia boleh disewakan dan hasilnya digunakan untuk membayar semula hutang kepada KWSP dengan kadar faedah tertentu.

Katanya, pada masa ini KWSP merupakan pemegang dana terbesar di negara ini iaitu RM200 bilion.

Zainal berkata, KWSP wajar mempertimbangkan cadangan tersebut jika mahu meningkatkan pendapatan kumpulan itu.